

SISTEM TEMPAHAN JAHITAN DAN JUALAN BAJU FESYEN MUSLIMAH ATAS
TALIAN (A.1 Stylista)

NURIRDAYU BINTI AZMI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SISTEM TEMPAHAN JAHITAN DAN JUALAN BAJU FESYEN MUSLIMAH ATAS
TALIAN (A.1 Stylista)

NURIRDAYU BINTI AZMI

Laporan ini dikemukakan sebagai
memenuhi sebahagian syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Sains (Keusahawanan Teknologi Maklumat)

Fakulti Komputeran
Universiti Teknologi Malaysia

FEBRUARI 2014

Specially dedicated to *Ibu* and *Ayah*

I really love both of you.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi atas limpah kurnianya dapat saya menyiapkan laporan projek ini dengan jayanya. Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih buat ibu bapa, Kamariah Talib dan Azmi Yusoff atas sokongan tidak berbelah bagi dan bantuan yang diberikan sepanjang menyiapkan projek pembangunan sistem tempahan jahitan dan jualan baju fesyen muslimah atas talian (*A.I Stylista*)

Ucapan ribuan terima kasih juga buat penyelia Dr. Dayang Norhayati Abang Jawawi dan Prof Dr. Amran Rasli yang banyak memberi nasihat dan tunjuk ajar sepanjang sistem ini dibangunkan. Terima kasih buat penyelaras program Sarjana Sains (Keusahawanan Teknologi Maklumat), pensyarah-pensyarah yang banyak memberi tunjuk ajar dan panduan, para usahawan yang tidak jemu berkongsi maklumat dan rakan-rakan yang tidak jemu membantu dalam menyiapkan sistem *A.I Stylista* ini.

Semoga dengan adanya sistem ini, ianya dapat memberi manfaat kepada pengguna dan memberi idea serta galakan kepada pembangun lain untuk memperkemaskan lagi fungsi dan memperluaskan perniagaan secara atas talian. Akhir kata, Alhamdulillah dan terima kasih untuk semua.

ABSTRAK

Tempahan jahitan dan pembelian baju merupakan satu aktiviti yang tidak asing lagi dan kerap dilakukan oleh setiap manusia. Proses awal tempahan jahitan yang mana bermula dari mengambil ukuran badan, memilih kain dan memilih rekaan fesyen akan dilakukan di butik pakaian atau kedai jahitan. Hal yang sama juga berlaku ketika membeli pakaian, di mana pelanggan perlu ke butik atau kedai pakaian untuk memilih pakaian yang hendak dibeli. Kedua-dua aktiviti ini memerlukan manusia untuk bergerak dari satu tempat ke tempat lain dan mengambil masa mereka. Ini telah menimbulkan beberapa isu seperti kekangan masa, jarak perjalanan yang jauh, kesesakan lalu lintas dan tiada kenderaan yang mana menyukarkan pelanggan untuk datang membuat tempahan jahitan atau membeli belah. Seiring dengan perkembangan teknologi internet masa kini, ramai pengusaha kedai atau butik jahitan dan pakaian mengambil langkah untuk mempromosikan perkhidmatan dan penjualan produk mereka. Sehubungan itu, ia amat berpadanan sekali dengan matlamat asal pembangunan projek ini, iaitu untuk membangunkan satu sistem bagi membantu pengguna membuat tempahan jahitan dan pembelian baju secara atas talian dengan cara yang lebih mudah dan selamat. Berdasarkan kepada metodologi prototaip yang digunakan, sistem ini akan dibangunkan menggunakan bahasa pengaturcaraan PHP dan pangkalan data MySQL. Hasil projek adalah satu sistem yang diyakini berupaya membantu pengusaha butik atau kedai jahitan dan pakaian memasarkan kedai dan produk mereka ke pasaran yang lebih luas dan secara tidak langsung meringankan beban pelanggan kerana mereka hanya perlu menggunakan sistem atas talian ini sekiranya mereka ingin membuat tempahan baju atau membeli belah.

ABSTRACT

Tailoring booking and purchase shirts is an activity that is not unfamiliar and often done by every human being. The initial process of tailoring reservations which started from taking body measurements, pick fabric and fashion design will be done in the boutique clothes or sewing store. The same thing also happens when buying clothes, where customers have to go to the boutiques or clothing shops to select items to be purchased. Both of these activities require humans to move from one place to another and take their time. This has raised a number of issues such as time constraints, far distance, traffic jams and no vehicle which makes it difficult for the customer to come and make tailoring booking or shopping. In line with the development of internet technology nowadays, many boutique and clothing shop taken steps to promoting services and sale of their products. In this regard, it is very suitable together with the original goal of the development of this project, which is to develop a system to help users make tailoring booking and purchase clothes online in a way that is easier and more secure. Based on the prototype of the methodology used, the system will be developed using the programming language PHP and the MySQL database. The result was a system that is able to help tailoring shop or boutique owners to market their shops and products to a wider market and indirectly ease the burden of the customer because they only need to use this online system if they wish to make a reservation or shopping for clothes.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	HALAMAN
	PENGESAHAN	i
	DEDIKASI	v
	PENGHARGAAN	vi
	ABSTRAK	vii
	ABSTRACT	viii
	ISI KANDUNGAN	ix
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI ISTILAH	xvii
	SENARAI SINGKATAN	xviii
	SENARAI LAMPIRAN	xix
1	Pengenalan Projek	
	1.1 Pengenalan Projek	1
	1.2 Pernyataan Masalah	4
	1.3 Objektif Projek	5
	1.4 Skop Projek	6
	1.5 Kepentingan Projek	6
	1.6 Garis Panduan Tesis	7
2	KAJIAN LITERASI	
	2.1 Pengenalan	9
	2.2 Kajian Baju Fesyen Muslimah	9

2.2.1	Etika Pemakaian Islam	10
2.2.2	Kajian Cara Pengukuran Saiz Badan dan Ketinggian	11
2.3	Kajian Aplikasi Laman Web Membeli-belah <i>Online</i>	13
2.3.1	Statistik Pembelian <i>Online</i> Dunia	14
2.3.2	Statistik Pembelian <i>Online</i> Asia	15
2.3.3	Statistik Pembelian <i>Online</i> Malaysia	16
2.4	Kajian Sistem Sedia Ada	17
2.4.1	Kajian Kes 1: Get Gorgeous	18
2.4.1.1	Kelebihan Get Gorgeous	19
2.4.1.2	Kelemahan Get Gorgeous	19
2.4.2	Kajian Kes 2: MOONABAYA.com	19
2.4.2.1	Kelebihan MOONABAYA.com	20
2.4.2.2	Kelemahan MOONABAYA.com	20
2.4.3	Kajian Kes 3: ZALORA	21
2.4.3.1	Kelebihan ZALORA	22
2.4.3.2	Kelemahan ZALORA	22
2.4.4	Kajian Kes 4: Kedai Jahit <i>Online</i> 1 Malaysia	23
2.4.4.1	Kelebihan Kedai Jahit <i>Online</i> 1 Malaysia	24
2.4.4.2	Kelemahan Kedai Jahit <i>Online</i> 1 Malaysia	24
2.4.5	Kajian Kes 5: Kedai Jahit Normie	24
2.4.5.1	Kelebihan Kedai Jahit Normie	25
2.4.5.2	Kelemahan Kedai Jahit Normie	25
2.5	Perbandingan Analisa Pesaing	26
2.6	Kajian Perisian Pembangunan Sistem	29
2.6.1	Adobe Dreamweaver CS3	29
2.6.2	phpMyAdmin - MySQL	30
2.7	Ringkasan	31

3 METODOLOGI PEMBANGUNAN

3.1	Pengenalan	32
3.2	Metodologi Model Prototaip	33
3.2.1	Fasa Perancangan	34
3.2.1.1	Mengenalpasti Keperluan Pelanggan	35

3.2.2	Fasa Analisis	37
3.2.3	Fasa Rekabentuk	37
3.2.4	Fasa Prototaip Sistem	38
3.2.5	Fasa Implementasi	39
3.2.6	Fasa Sistem	40
3.3	Kanvas Modul Perniagaan <i>A.I Stylista</i>	40
3.4	Analisis Keperluan Sistem	41
3.4.1	Justifikasi Perkakasan	42
3.4.2	Justifikasi Perisian	43
3.5	Carta Gantt	44
3.6	Ringkasan	45

4 HASIL KAJIAN DAN REKABENTUK

4.1	Pengenalan	46
4.2	Hasil Kajian Fasa Keperluan	46
4.2.1	Model Kes Guna	47
4.2.2	Keterangan Aktor	49
4.2.3	Keterangan Kes Guna	50
4.2.4	Rajah Kelas	52
4.2.5	Rajah Aktiviti	53
4.2.6	Rajah Jujukan	54
4.3	Hasil Kajian Fasa Analisa	54
4.4	Hasil Kajian Fasa Rekabentuk	55
4.4.1	Rekabentuk Senibina	55
4.4.2	Rekabentuk Umum Sistem	57
4.4.3	Rekabentuk Antara Muka	58
4.4.3.1	Rekabentuk Antara Muka Pendaftaran	58
4.4.3.2	Rekabentuk Antara Muka <i>YourModel</i>	59
4.4.4	Rekabentuk Pangkalan Data	60
4.4.4.1	Skema Hubungan Pangkalan Data	60
4.5	Ringkasan	61

5	PEMBANGUNAN DAN PENGUJIAN	
5.1	Pengenalan	62
5.2	Persekitaran Pembangunan	62
5.2.1	Pembangunan Pangkalan Data	63
5.2.2	Pembangunan Antara Muka Sistem	63
5.2.3	Pengkodan Fungsi-fungsi Sistem	65
5.2.3.1	Menghubungkan Pangkalan Data Sistem	65
5.2.3.2	Menghapuskan Data	66
5.2.3.3	Mengemaskini Data	66
5.2.3.4	Memaparkan Data	67
5.3	Fasa Implementasi	67
5.3.1	Modul Pendaftaran	67
5.3.2	Modul <i>Profile E-Tailoring</i>	68
5.3.3	Modul <i>YourModel</i>	69
5.3.4	Modul <i>Personal Shopper</i>	70
5.3.5	Modul Cadangan	71
5.4	Pengujian	71
5.4.1	Pengujian Unit	72
5.4.2	Pengujian Integrasi	72
5.4.3	Pengujian Sistem	72
5.5	Pengujian Kotak Hitam	73
5.6	Pengujian Penerimaan Pengguna	74
5.7	Kesimpulan	75
6	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	
6.1	Pengenalan	77
6.2	Pencapaian	78
6.3	Kekangan Sistem	79
6.4	Kelebihan Sistem	79
6.5	Kelemahan Sistem	80
6.6	Cadangan Sistem	80
6.7	Rumusan	81

RUJUKAN

82

LAMPIRAN A-I

84

SENARAI JADUAL

NO	TAJUK	HALAMAN
2.1	Perbandingan Analisa Pesaing	27
3.1	Spesifikasi Perkakasan	42
3.2	Spesifikasi Perisian	43
4.1	Jadual Keterangan Aktor	49
4.2	Jadual Keterangan Kes Guna	50
5.1	Kes Uji Bagi Kes Guna <i>Login</i>	73
5.2	Contoh Kes Uji <i>Confirm Password</i>	74

SENARAI RAJAH

NO	TAJUK	HALAMAN
1.1	Contoh Laman Web Fesyen Muslimah	4
2.1	Carta Saiz Ukuran Badan Wanita	12
2.2	Statistik Pembelian Online Dunia (Media Metrix Worldwide, 2010)	15
2.3	Statistik Pembelian Online Asia	16
2.4	Statistik Pembelian Online Malaysia (Global Webindex Waves 3&4, 2010&2011)	17
2.5	Antara Muka Laman Web Get Gorgeous	18
2.6	Antara Muka Laman Web MOONABAYA.com	20
2.7	Antara Muka Laman Web ZALORA	21
2.8	Antara Muka Blog Kedai Jahitan Online 1 Malaysia	23
2.9	Antara Muka Blog Kedai Jahit Normie	25
3.1	Model Metodologi Prototaip (Lowry, 2004)	34
3.2	AntaraMuka dan Logo Justinmind Prototyper Free	39
3.3	Kanvas Modul Perniagaan <i>A.1 Stylista</i>	41
4.1	Kes Guna <i>A.1 Stylista</i>	48
4.2	Rajah Kelas <i>A.1 Stylista</i>	52

4.3	Rajah Aktiviti Modul Pendaftaran	53
4.4	Rajah Jujukan Modul Pendaftaran	54
4.5	Model Senibina Pelanggan-Pelayan (<i>Client-Server</i>)	55
4.6	Modul-modul Laman Web <i>A.1 Stylista</i>	56
4.7	Proses Umum Sistem	57
4.8	Rekabentuk Antara Muka Pendaftaran	58
4.9	Rekabentuk Antara Muka Menu <i>Your Model</i>	59
4.10	Rekabentuk Pangkalan Data	61
5.1	Antara Muka <i>E-Tailoring</i>	63
5.2	Antara Muka <i>Personal Shopper</i>	64
5.3	Antara Muka <i>Shopping Cart</i>	64
5.4	Keratan Pengaturcaraan Menghubungkan dengan Pangkalan Data	65
5.5	Keratan Pengaturcaraan Menghapuskan Data	66
5.6	Keratan Pengaturcaraan Mengemaskini Data	66
5.7	Keratan Pengaturcaraan Memaparkan Data	67
5.8	Keratan Pengaturcaraan Pendaftaran	68
5.9	Keratan Pengaturcaraan <i>Profile E-Tailoring</i>	69
5.10	Keratan Pengaturcaraan <i>Edit Model</i>	70
5.11	Keratan Pengaturcaraan <i>RecommandationFashion</i>	71
5.12	Penerimaan Pengguna terhadap Sistem <i>A.1 Stylista</i>	75

SENARAI ISTILAH**BAHASA MELAYU**

Atas Talian

Rajah Kes Guna

Rajah Kelas

Rajah Aktiviti

Terma dan Syarat

Tempahan Jahitan atas Talian

BAHASA INGGERIS*Online**Use Case Diagram**Class Diagram**Activity Diagram**Terms & Condition**E-Tailoring*

SENARAI SINGKATAN

PHP	<i>Pretext Hyper Processor</i>
HTML	<i>HyperText Markup Language</i>
MARA	Majlis Amanah Rakyat
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
WWW	<i>World Wide Web</i>
SRS	<i>Software Requiremet Specification</i>
SDD	<i>Software Design Documentation</i>

SENARAI LAMPIRAN

NO	TAJUK	HALAMAN
A	Gantt Chart	84
B	Dokumen Spesifikasi Keperluan Perisian (SRS)	87
C	Dokumen Rekabentuk Perisian (SDD)	112
D	Bukti Kerjasama	139
E	Borang Kaji Selidik Penerimaan Pengguna Sebelum Pembangunan Sistem	141
F	Borang Kaji Selidik Penerimaan Pengguna Selepas Pembangunan Sistem	146
G	Rancangan Perniagaan <i>A.1 Stylista</i>	148
H	Brosur <i>A.1 Stylista</i>	191
I	Poster <i>A.1 Stylista</i>	193

BAB 1

Pengenalan Projek

1.1 Pengenalan Projek

Pada masa kini, terdapat banyak aplikasi yang telah bertukar kepada sistem atas talian. Ini seiring dengan perkembangan kehidupan manusia pada masa kini juga dilihat saling berkaitan dengan Teknologi Maklumat. Perkembangan Teknologi Maklumat yang berkembang pesat membolehkan kehidupan pada masa kini bertambah mudah dan cepat. Oleh yang demikian, ia adalah satu peluang keemasan kepada usahawan untuk menceburi perniagaan yang berkaitan dengan Teknologi Maklumat memandangkan keperluannya semakin meningkat dari semasa ke semasa.

Sistem tempahan jahitan dan jualan baju fesyen Muslimah atas talian ini atau nama singkatannya A.1 Stylista dicadangkan untuk mengaplikasikan teknologi maklumat ke atas tempahan jahitan dan jualan baju fesyen Muslimah yang di lakukan secara manual di butik-butik selama ini. Sistem A.1 Stylista bertujuan menjadikan mana-mana butik atau kedai jahitan menjadi sebuah kedai jahitan atas talian yang mana ia boleh menerima tempahan jahitan dan melakukan jualan secara atas talian menerusi perantaraan sistem sahaja. Di samping itu, pemilik dapat menambah pendapatan dengan menerima pelanggan luar atau lebih jauh dari sekitar lokasi kedai mereka. Selain itu, pembangunan sistem A.1 Stylista juga untuk mendedahkan wanita Muslim kepada fesyen terkini dan bergaya mengikut cita rasa dan kehendak mereka.


Sistem ini menyediakan perkhidmatan untuk membantu pengguna membuat tempahan jahitan secara atas talian tanpa perlu datang ke lokasi kedai atau butik sendiri. Ini membolehkan pengguna membuat tempahan dari mana-mana sahaja mereka berada. Sebagai permulaan, pengguna perlu mendaftar sebagai ahli dan membayar yuran ahli apabila mereka pertama kali menggunakan sistem ini. Kemudian, data peribadi mereka akan disimpan. Data peribadi mereka akan mengandungi ukuran badan mereka yang akan dimasukkan sendiri oleh mereka berpandukan panduan langkah mengukur badan sendiri yang disediakan dalam sistem. Namun, bagi pelanggan yang datang sendiri ke butik, ukuran badan mereka akan diukur dan dimasukkan ke dalam sistem oleh pekerja butik. Ini kerana, apabila di butik, sistem akan digunakan oleh pekerja butik itu sendiri. Selain maklumat ukuran badan mereka, rekod tempahan mereka sebelum ini turut akan di simpan. Melalui tempahan jahitan baju atas talian iaitu fungsi *e-tailoring* di dalam sistem, pengguna dapat memilih sendiri jenis fabrik, warna fabrik dan fesyen baju mereka sendiri.

Sistem ini turut membantu pengguna dalam merancang dan memilih fesyen yang sesuai mengikut kategori seperti jenis pakaian, jenis majlis/acara, ukuran badan, harga, warna dan jenama. Jenis majlis adalah seperti majlis makan malam, majlis, perkahwinan, pakaian formal, pakaian kasual dan pakaian sukan. Ukuran badan adalah mengikut sembilan contoh model yang dicadangkan. Sembilan model yang dicadangkan adalah mempunyai ukuran badan yang berbeza dari segi tinggi dan saiz badan. Dari segi ketinggian sama ada tinggi, sederhana atau rendah. Dari segi saiz badan adalah sama ada besar, sederhana atau kecil. Sebagai contoh, pengguna boleh memilih jenis model yang lebih kurang sama mengikut ketinggian dan saiz badan pengguna. Dengan itu, pengguna akan mendapat gambaran yang lebih jelas seakan tubuh badan mereka yang memakai pakaian tersebut. Manakala dari segi harga pula akan disenaraikan julat harga untuk disesuaikan dengan bajet pengguna.

Selain itu, sistem ini menyediakan cadangan fesyen muslimah di dalam fungsi *Personal Shopper*. Konsep *Personal Shopper* adalah membantu pengguna mendapatkan sebarang padanan pakaian, seluar atau tudung yang sesuai dari koleksi A.1 Stylista dengan koleksi mereka sendiri. Sebagai contoh, jika pengguna sudah mempunyai baju dari koleksi mereka sendiri namun mereka ingin mencari padanan tudung yang sesuai dengan baju tersebut maka mereka boleh menggunakan fungsi *Personal Shopper* ini. Sistem ini juga

memberi manfaat kepada pengguna dengan memberi idea dalam membuat keputusan mengenai fesyen pakaian yang sesuai mengikut ukuran tubuh badan mereka. Jadi, ia akan dapat mengatasi masalah yang sering berlaku apabila pengguna membeli baju secara atas talian dimana baju yang dibeli tidak muat atau longgar.

Pentadbir sistem ini boleh mengawal, memantau dan mengemaskini sistem. Sistem ini adalah berasaskan aplikasi web dan akan menggunakan aplikasi Adobe Dreamweaver dan phpMyAdmin sebagai pangkalan data. Rajah 1.1 adalah antara contoh-contoh laman web fesyen Muslimah yang ada di pasaran sekarang. Sistem A.1 Stylista akan cuba untuk mengkaji kesemua laman web ini untuk tujuan menghasilkan laman web A.1 Stylista yang lebih kreatif, interaktif dan setanding dengan laman web berikut.




MOSLEMA



Ana Solehah



Sweet Muslimah



SUMAYYA

Rajah 1.1 Contoh laman web fesyen muslimah

1.2 Pernyataan Masalah

Persoalan utama yang dikaji dan diselesaikan menerusi projek ini adalah seperti berikut :

- i. Pengguna tidak mempunyai masa untuk membuat tempahan jahitan dan membeli baju fesyen muslimah secara manual dari butik atau kedai pakaian.
- ii. Pengguna tidak mempunyai pengangkutan untuk pergi membuat tempahan jahitan dan membeli baju fesyen muslimah secara manual dari butik atau kedai pakaian kerana lokasinya yang jauh.
- iii. Pengguna terbeli baju yang tidak muat atau longgar dari laman web kerana tidak tahu ukuran badan yang sesuai dengan tinggi dan saiz badan mereka.
- iv. Pengguna tidak mempunyai banyak panduan dan pilihan untuk memakai pakaian mengikut majlis tertentu.

- v. Pengguna tidak mendapat hasil padanan baju dan tudung yang tepat apabila membeli pakaian.
- vi. Pengusaha kedai tidak mempunyai sistem untuk mengemaskini maklumat pelanggan mereka.

1.3 Objektif Projek

Objektif pembangunan sistem fesyen Muslimah *online* ini atau nama singkatannya A.1 Stylista adalah:

- i. Untuk memudahkan pengguna melakukan tempahan jahitan dan pembelian baju fesyen muslimah tanpa halangan masa dan jarak.
- ii. Untuk menukar sistem manual yang dilakukan oleh pengusaha butik atau kedai jahitan dan jualan baju fesyen muslimah ke sistem berkomputer.
- iii. Untuk membantu dan memudahkan pengusaha butik atau kedai jahitan dan jualan baju fesyen muslimah mengemaskini data pelanggan mereka.
- iv. Untuk memastikan pengguna mendapat pakaian yang sesuai dengan ukuran saiz badan mereka.
- v. Untuk membantu pengguna mendapatkan cadangan padanan antara fesyen daripada perunding imej&fesyen bertauliah.

1.4 Skop Projek

Skop pembangunan projek ini adalah:

- i. Sistem adalah berasaskan portal web.
- ii. Sasaran utama pengguna untuk sistem ini adalah golongan dewasa wanita dan 21 hingga 55 tahun yang bekerjaya, remaja perempuan 15 hingga 20 tahun dan kanak-kanak perempuan.
- iii. Sasaran kecil pengguna untuk sistem ini adalah golongan dewasa lelaki dan 21 hingga 55 tahun yang bekerjaya dan juga remaja lelaki 15 hingga 20 tahun.
- iv. Sasaran pengguna dari kategori pengusaha butik atau kedai pakaian adalah mereka yang mempunyai butik atau kedai pakaian yang menerima tempahan jahitan dan turut menjual baju yang telah siap dijahit (*ready made clothes*).
- v. Sistem ini memberi tumpuan kepada baju fesyen dan pakaian wanita Muslimah sahaja.
- vi. Semua sasaran pengguna yang terdiri daripada pelanggan di Malaysia dan manakala pengusaha butik adalah terhad di negeri Johor sahaja.

1.5 Kepentingan Projek

Kepentingan projek ini dapat dilihat daripada kebaikan yang diperolehi melalui pembangunan keseluruhan sistem ini. Kebaikannya adalah:

- i. Membolehkan pengguna membuat tempahan jahitan untuk baju fesyen Muslimah mereka walau dimana mereka berada.

- ii. Membolehkan pengusaha butik atau kedai jahitan menerima tempahan dari pelanggan yang berada jauh dari lokasi kedai mereka dan sekaligus menambah pendapatan mereka.
- iii. Membolehkan pengguna membeli satu set pakaian yang sesuai dengan ketinggian ukuran saiz badan mereka.
- iv. Membenarkan pengguna untuk mendapat cadangan padanan yang paling sesuai dengan koleksi dari pakaian mereka sendiri supaya mereka akan kelihatan lebih cantik.
- v. Membolehkan pengguna mengoptimumkan pembelian mereka. Pembelian mereka akan lebih rasional dan menjimatkan wang.
- vi. Di samping itu, sistem ini akan memberi manfaat bagi industri fesyen Muslim dan memberi serba sedikit panduan tips fesyen untuk padanan pakaian yang sesuai.

1.6 Garis Panduan Tesis

Secara keseluruhannya, Bab 1 di dalam projek ini menerangkan tentang pengenalan tentang sistem yang dibangunkan. Selain itu, pernyataan masalah yang boleh dikenalpasti sebelum membangunkan sistem ini turut dinyatakan. Matlamat, skop dan objektif di dalam membangunkan sistem ini dinyatakan untuk dijadikan panduan supaya hala tuju dan setiap langkah pembangunan sistem ini tidak kurang atau berlebihan daripada yang sepatutnya dicapai. Akhir sekali, kepentingan projek turut ini disenaraikan.

Bab 2 di dalam projek ini menerangkan tentang kajian literatur yang merangkumi kajian sistem sedia ada dan perbandingannya serta kajian perisian yang akan digunakan untuk pembangunan projek ini. Bab 3 pula menerangkan tentang metodologi yang akan digunakan semasa proses pembangunan sistem serta senarai perkakasan dan perisian yang terlibat. Manakala di dalam bab 4 pula menerangkan tentang hasil kajian dan rekabentuk

seperti rekabentuk senibina, antaramuka dan pangkalan data. Bab 5 menerangkan proses pembangunan dan pengujian yang dijalankan ke atas sistem. Bab 6 menerangkan perbincangan hasil dari pembangun sistem dan kesimpulan.

RUJUKAN

- Abadi, H.N.K (2010). Evaluating Customers Attitude Towards Using 3D Modelling In Iran Construction Industry In Iran. Unpublished Masters dissertation, Lulea University of Technology & Tarbiat Modares University. Dicapai pada 4/5/2012
- Adeline Chua Phaik Harn, Ali.Khatibi, & Hishamuddin bin Ismail. (2006). E-Commerce: A Study on Online Shopping in Malaysia. Kamla-Raj 2006. Dicapai pada 5/5/2012
- Appelt, V dan Winter, M. (2010), Application and Limits of Standard Software For 3D-Model Based Visualisation, Extension Strategies, Essential Proprietary Applications. International Archives of the Photogrammetry, Remote Sensing and Spatial Information Sciences, Vol. XXXIV-5/W10. Dicapai pada 5/5/2012
- Bender, J. Finkenzeller, D. and Oel, P. (2004) "HW3D: A tool for interactive real-time 3D visualization in GIS supported flood modelling", In Proceedings of the 17th international conference on computer animation & social agents, Geneva (Switzerland), 7.-9. July 2004. Dicapai pada 5/5/2012
- Charlton, G. (2010). 45% of consumers prefer shopping for clothes online.
<http://econsultancy.com/us/blog/7960-45-of-consumers-prefer-shopping-for-clothes-online>. Dicapai pada 10/5/2012
- Chitwood, H. (2000). Simulating Reality. Unpublished M.Des. Dissertation, University of Cincinnati. Dicapai pada 10/5/2012
- Cotterill, S. (2012). 43% of Europeans shop online.
<http://www.internetretailer.com/2012/06/07/43-europeans-shop-online>. Dicapai pada 5/6/2012
- Digital Media in Malaysia (2012).
https://wiki.smu.edu.sg/digitalmediaasia/Digital_Media_in_Malaysia. Dicapai pada 5/5/2012

- Dirk Singer. (2010). 1/6 online retail visits ends in a purchase.
<http://liesdamnedliesstatistics.com/2010/11/16-online-retail-visits-ends-in-a-purchase.html>. Dicapai pada 5/6/2012
- Global Webindex waves 3&4 (2010&2011). What Malaysian Internet Users Buy Online.
<http://globalwebindex.net/>. Dicapai pada 4/5/2012
- Faeth, A.J., Oren, M, Sheller, J., Godinez, S., Harding, C. (2008). Cutting, Deforming, and Painting of 3D Meshes in a Two Handed Viso-Haptic VR System. Proceeding of IEEE Virtual Reality (IEEE VR '08). Dicapai pada 6/6/2012
- Fotiadou, A. (2007). Analysis of Design Support for Kinetic Structures. Unpublished Masters dissertation, Vienna University of Technology. Dicapai pada 6/6/2012
- Haddlesey, R.J (2005). Virtual Meccano : The Creation of Virtual Joints to Explore Vernacular timber-Framed Construction Methods of the Late Medieval Period (c1400-1530). Unpublished M.Sc. dissertation, University of Southampton. Dicapai pada 6/6/2012
- Hayley, K. How to Take Measurements (For Women). <http://www.wikihow.com/Take-Measurements-%28For-Women%29>. Dicapai pada 5/5/2012
- Linda Boland Abraham, Marie Pauline Mörn, & Andrea Vollman, (2010). Women on the Web How Women are Shaping the Internet. comScore, Inc. Dicapai pada 4/5/2012
- McHenry, K, dan Bajcsy, P. (2010). "Key Aspects in 3D File Format Conversions", Joint Annual Meeting of the Society of American Archivists and the Council of State Archivists, 2009 Research Forum 'Foundations and Innovations', August 11, Hilton Austin, Texas, USA. Dicapai pada 6/6/2012
- Media Metrix Worldwide (2010). Worldwide Audience (15+ accessing from Work or Home). <http://www.comscore.com/>. Dicapai pada 4/5/2012
- Moore, S. (2012). Books, clothes and electronics are the most-shopped categories online. <http://www.internetretailer.com/2012/01/24/books-clothes-and-electronics-are-most-shopped-categories>. Dicapai pada 2/5/2012
- Stevenson, J. (2012). Muslim Fashion. <http://www.articlesnatch.com/Article/Muslim-Fashion/305307>. Dicapai pada 4/6/2012.